

12/12/2003

PM akan pastikan krisis dengan jiran selesai

A Ghani Nasir

TOKYO: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengadakan pertemuan `bertanya khabar' dengan rakan sejawatan dari negara Asean semalam berharap ia membuka jalan bagi menyelesaikan segera masalah yang timbul dalam hubungan dua hala di antara mereka.

"Jika ada pun masalah yang perlu kita selesaikan dengan seberapa segera kita boleh menggunakan telefon membincangkannya dan tidak payah menunggu lama jika menggunakan saluran diplomatik," kata Perdana Menteri.

Beliau menambah: "Ini tidak bermakna kita mahu mengetepikan peranan kementerian luar negara masing-masing tetapi jika memang ada sesuatu yang benar-benar mendesak kita perlu beri perhatian segera maka cara hubungan itu boleh dilakukan.

"Kemudian ia akan diikuti tindakan susulan untuk diuruskan dan diselaraskan oleh Kementerian Luar," katanya.

Perdana Menteri yang berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kenang-Kenangan Asean-Jepun yang masuk tahun ke-30, mengadakan pertemuan dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri; Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra pada sebelah pagi.

Selepas majlis jamuan malam dianjurkan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, Abdullah mengadakan perbincangan pula dengan pemimpin Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam sehingga lewat malam.

Hari ini, Perdana Menteri dijangka menemui Presiden Filipina Gloria Arroyo Macapagal.

Abdullah berkata beliau juga mahu suruhanjaya bersama antara kerajaan sedia ada mengadakan rundingan setiap tahun bagi mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala.

Beliau mengakui ada masalah dua hala yang perlu diselesaikan segera demi kepentingan bersama lantas rundingan peringkat suruhanjaya itu mesti diadakan.

"Ada banyak kebaikan apabila masalah dua hala dapat diselesaikan dengan cepat".

Perdana Menteri memberi jaminan kepada semua pemimpin Asean itu, beliau akan meneruskan dasar dilaksanakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad "kerana saya mewarisi kerajaan Barisan Nasional yang utuh".

Sebagaimana mengikut adat menjawat jawatan ketua kerajaan, beliau dijangka mengadakan lawatan ke semua negara Asean tidak lama lagi.

Menjelaskan rundingan beliau dengan Koizumi pula, Abdullah berkata Malaysia menyatakan kesediaan memulakan rundingan bagi membentuk Pakatan Ekonomi Rapat (CEP) tahun depan, malah perbincangan peringkat awal pegawai sudah pun selesai.